

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

ACW 261 – Perakaunan Sektor Awam

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (28 markah)

Berikut adalah maklumat mengenai anggaran perolehan dan perbelanjaan mengurus bagi salah sebuah kerajaan negeri di Malaysia bagi tahun 2004.

Anggaran Perolehan dan Perbelanjaan

Butiran	RM
Jumlah Hasil Cukai	117,334,550
Cukai Tidak Langsung	64,320,010
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	18,049,470
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	6,323,880
Sewaan	6,633,980
Denda dan Hukuman	3,000,000
Pulangan Balik Perbelanjaan	59,940
Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan	108,731,120
Perbelanjaan Tanggungan	58,494,040
Perbelanjaan Perbekalan	232,053,106

Maklumat Tambahan:

- Hasil cukai adalah terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung.
- Pecahan bagi perbelanjaan mengurus adalah seperti berikut:

Emolumen	35%
Perkhidmatan dan Bekalan	18%
Aset	5%
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	40%
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2%

Berdasarkan kepada maklumat di atas, dikehendaki:

- Menyediakan satu ringkasan belanjawan mengurus (sehingga objek "Sebagai") bagi kerajaan negeri di atas untuk tahun 2004.

[20 markah]

- Jelaskan sama ada belanjawan di atas adalah belanjawan lebihan, kurangan atau berimbang.

[2 markah]

- Sekiranya kerajaan negeri menyediakan belanjawan kurangan, nyatakan sumber-sumber pembiayaan yang boleh diperolehi oleh kerajaan negeri untuk menampung kurangan berkenaan.

[3 markah]

...3/-

- (d) Mengapakah sesebuah kerajaan yang berstatus negara membangun berhasrat untuk mencapai tahap belanjawan berimbang. [3 markah]

Soalan 2 (20 markah)

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan konsep kerajaan elektronik (“e-government”) sejak tahun 1999. Tanggungjawab pelaksanaan ini telah diberikan kepada MAMPU. Berkaitan dengan kerajaan elektronik, anda dikehendaki:

- (a) Jelaskan secara ringkas konsep kerajaan elektronik. [3 markah]
- (b) Terangkan lima (5) aplikasi utama dalam pelaksanaan kerajaan elektronik. [10 markah]
- (c) Jelaskan faedah yang bakal diperolehi kesan dari perlaksanaan kerajaan elektronik. [7 markah]

Soalan 3 (20 markah)

- (a) Huraikan maksud Buku Vot dalam sistem perakaunan kerajaan dan nyatakan kebaikan yang boleh diperolehi kesan dari penggunaan sistem buku vot berkomputer (SBVB). [8 markah]
- (b) Dengan mengemukakan contoh yang sesuai, banding dan bezakan antara konsep “pensyarikatan” dengan konsep “pengswastaan” dalam kontek kerajaan Malaysia. [6 markah]
- (c) Jelaskan secara ringkas tujuan dan fungsi Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling perbendaharaan yang dikeluarkan kepada agensi-agensi kerajaan. [6 markah]

Soalan 4 (18 markah)

- (a) Nyatakan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan pengauditan bagi sektor awam.
[6 markah]
- (b) Jelaskan secara ringkas peranan dan fungsi Jawatankuasa Akaun Awam (PAC) di dalam sektor awam.
[6markah]
- (c) Bincangkan secara ringkas sama ada penggunaan indikator analisis nisbah adalah mencukupi untuk mengukur prestasi organisasi di dalam sektor awam.
[6 markah]

Soalan 5 (14 markah)

Berikut adalah sebahagian dari baki akaun Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2003.

Akaun	2003 (RM'000)
Wangtunai di tangan	116,306
Wangtunai di bank	1,765,907,252
Kumpulanwang Pembangunan	(824,115,990)
Wangtunai dalam perjalanan	36,507,805
Akaun Pinjaman Disatukan	799,589,340
Akaun Kena Bayar	822,460,127
Deposit	481,019,420
Pelaburan	965,908,020
Akaun Amanah Disatukan	1,191,418,726
Kumpulanwang Pinjaman Perumahan	17,382,504
Kumpulanwang Amanah Kerajaan	121,427,497
Kumpulanwang Amanah Awam	508,714,497
Akaun Hasil Disatukan	1,777,431,317
Kumpulanwang penjelas	64,530,671

Dikehendaki:

Sediakan penyata lembaran imbangan untuk Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2003.